KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 27 JULAI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | PAUS PILOT MUNCUL DI DUNGUN, DALAM NEGERI, UM -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2. | PAUS PILOT MUNCUL DI TERENGGANU, NEGARA, KOSMO -17 | |
| 3. | PAUS PILOT MUNCUL DI TERENGGANU, RENCANA, SH -18 | |
| 4. | PERTAMA KALI TUMPANG LALU, SETEMPAT, HM -9 | |
| 5. | KENA TAMPAR NAK JAGA HABITAT, SETEMPAT, HM -24 | |
| 6. | TAK SANGGUP MAKAN TELUR PENYU, SETEMPAT, HM -24 | |
| 7. | INDO FISHERMEN FINED RM24,000 FOR BREACHING CONDITION OF LICENCE, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -6 | |
| 8. | TRIO FINED RM8,000 EACH FOR ILLEGAL FISH-TRAWLING, HOME, NEW SABAH TIMES ENGLISH (KK) | |
| 9. | KEMENTERIAN MAHU NANGKA MADU, SARANG BURUNG MALAYSIA KE PASARAN CHINA, NEWS, ASTRO AWANI -7 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 10. | NANGKA MADU, SARANG WALIT SEDANG DIBINCANG UNTUK DIEKSPORT KE CHINA, NEWS, BERNAMA -4 | |
| 11. | HONEY JACKFRUIT, SWIFLET NESTS UNDER DISCUSSION FOR EKSPORT TO CHINA, NEWS, BERNAMA -4 | |
| 12. | NEXT BIG EXPORT TO CHINA: HONEY JACKFRUIT AND BIRD'S NESTS, NEWS, FREE MALAYSIA TODAY -6 | |
| 13. | MINISTER: HONEY JACKFRUIT, SWIFLET NESTS UNDER DISCUSSION FOR EXPORT TO CHINA, NEWS, MALAY MAIL -3 | |
| 14. | MINISTER: HONEY JACKFRUIT, SWIFTLET NESTS UNDER DISCUSSION FOR EXPORT TO CHINA, MALAY, NEWS, HEAD TOPICS -7 | |
| 15. | PRODUK HASILAN BABI DIRAMPAS, SINAR NEGERI UTARA, SH -36 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 16. | FAMA SASAR NILAI JUALAN RM300,000 BAGI PROGRAM JTDL, NEWS, SH -7 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 17. | AGROBANK 50 YEARS FUN RUN IN NEGERI JELAPANG PADI, NEWS, BERNAMA -4 | AGROBANK |
| 18. | LARIAN AGROBANK 50 TAHUN DI NEGERI JELAPANG PADI, NEWS, MEDIA RELATION AND EVENT MANAGEMENT -6 | |
| 19. | LARIAN AGROBANK 50 TAHUN DI NEGERI JELAPANG PADI, NEWS, BERNAMA -4 | |
| 20. | AGROBANK 50 YEARS FUN RUN IN NEGERI JELAPANG PADI, NEWS, BERNAMA -4 | |
| 21. | BELAJAR ILMU PERTANIAN, HATI, HM -60 | LAIN - LAIN |
| 22. | KEMENTERIAN PANDANG SERIUS ISU AYAM IMPORT TIDAK HALAL: JUNZ, NEWS, DAILY EKPRESS -5 | |
| 23. | KEMENTERIA PANDANG SERIUS ISU AYAM IMPORT TIDAK HALAL: JUNZ, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -1,2 | |
| 24. | PELAN TINDAKAN BANGUNKAN SEKTOR PERTANIAN SABAH DILANCARKAN OGOS INI, SEMASA, NEW SABAH TIMES BAHASA (KK) -2 | |
| 25. | PANTAU ISU HALAL PRODUK AYAM IMPORT, NEWS, HM (SABAH AND SARAWAK) -4 | |
| 26. | BLUEPRINT PACU SEKTOR PERTANIAN, NEWS, BH (SABAH AND SARAWAK) -1 | |
| 27. | AQUAPONIC 4.0 IS THE SUSTAINABLE AGRICULTURAL TREND IN THE FUTURE, NEWS, NANYANG SIANG PAU (NORTHERN) -B6 | |
| 28. | SMUGGLING OF CHICKEN INTO SABAH SERIOUS ISSUE: JUNZ, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -1 | |
| 29. | SMUGGLING OF CHICKEN INTO SABAH SERIOUS ISSUE: JUNZ, NEWS, DAILY EKSPRESS-MALAYSIA -5 | |
| 30. | KL DURIAN EXPO, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -4 | |
| 31. | KL DURIAN EXPO EXPECTED TO ATTRACTS OVER THOUSAND ENTHUSIASTS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A18a | |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |

# Paus pilot muncul di Dungun

**DUNGUN 26 Julai** - Selepas kehadiran dua ekor ikan paus pembunuh di perairan Terengganu baru-baru ini, kini muncul pula sekumpulan ikan paus pilot sirip pendek yang dikesan di perairan Besut Rabu lalu.

Ikan paus itu dengan nama saintifiknya *globicephala macrorhynchus* ditemukan dekat Pulau Perhentian, pada jarak 30 kilometer dari pesisir pantai oleh sekumpulan nelayan.

Mamalia itu dilihat berada dalam satu kumpulan sedang melalui perairan tersebut dengan menjadikan Laut China Selatan sebagai sebahagian laluan migrasi mereka.

Ketua Cawangan Mamalia Marin, Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang Mohd. Tamimi Ali Ahmad berkata, rakaman berdurasi 40 saat itu menunjukkan spesies terbabit bergerak dalam kumpulan 10 hingga 50 ekor.

"Saiz haiwan tersebut dianggarkan sepanjang tiga hingga tujuh meter, dengan berat satu hingga tiga tan bagi dewasa dan 60 hingga 500 kilogram bagi anak.

"Berdasarkan rekod, ikan paus ini tidak pernah lalu di perairan Terengganu dan kehadirannya baru-baru ini adalah yang pertama. Kali terakhir spesies ini pernah direkodkan ialah mati terdampar di Sarawak pada tahun 2013 dan di Labuan pada 2015," katanya.

Beliau menjelaskan, jangka hayat paus pilot sirip pendek ialah 40 hingga 45 tahun dan umur matang bagi spesies tersebut ialah 10 hingga 20 tahun dan tempoh masa untuk menghasilkan generasi baharu mengambil masa antara 15 bulan.

Katanya, saiz anak ikan paus tersebut yang baharu lahir adalah 1 hingga 1.9 meter panjang dengan berat 60 kilogram.

"Anak ikan paus ini akan berpisah dengan ibu setelah mencapai umur dua tahun. Biasanya mereka bergerak serta memburu dalam kumpulan populasinya antara 10 ekor hingga 50 ekor, ada juga sesetengah populasi boleh mencapai hingga 200 ekor," katanya.

Mohd. Tamimi berkata, ikan paus berkenaan merupakan spesies pemangsa dalam ekosistem lautan itu biasanya memburu dan memakan ikan, sotong, penyu, burung laut dan sebagainya.

"Populasi spesies ini hidup di serata lautan di dunia dan habitat yang digemari adalah di kawasan yang tidak terlalu cetek dan jauh dari pesisir pantai selain mempunyai kepadatan makanan seperti sotong yang banyak.

"Mungkin kerana perairan Terengganu mempunyai banyak sotong, maka sebab itulah spesies ini menjadikan Laut China Selatan sebahagian laluan migrasi mereka.

"Seperti di perairan Amerika, populasi paus pilot sirip pendek ini sangat banyak pada musim sotong namun setelah sotong mula berkurangan, paus pilot sirip pendek ini tidak kelihatan dan bermigrasi mencari tempat baru," katanya.



IKAN paus pilot sirip pendek dikesan berhampiran Pulau Perhentian, Terengganu oleh sekumplan nelayan Rabu lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2019 | KOSMO | NEGARA | 17 |

Spesies terancam ditemui berenang berhampiran Pulau Perhentian

# Paus pilot muncul di Terengganu

Oleh EZZUAN AHMAD

**DUNGUN** – Seminggu selepas digemparkan dengan kehadiran sepasang paus orca atau paus pembunuh, perairan Terengganu sekali lagi menjadi tumpuan apabila sekumpulan paus pilot sirip pendek ditemui muncul buat pertama kalinya di perairan itu, Rabu lalu.

Ketua Cawangan Mamalia Marin Institut Penyelidikan Perikanan Penyu dan Hidupan Marin Terancang Rantau Abang, Mohd. Tamimi Ali Ahmad berkata, kumpulan paus berkenaan ditemui berenang berhampiran Pulau Perhentian di perairan Besut dengan anggaran jarak dari pantai sejauh 30 kilometer.

"Kejadian itu sempat dirakam beberapa nelayan yang sedang memancing menerusi satu video berdurasi 40 saat.



KERATAN *Kosmo!* 18 Julai 2019



MOHD. TAMIMI

"Daripada rakaman dan percakapan nelayan itu, mereka memaklumkan saiz mamalia marin ini sangat besar dan banyak.

"Saya percaya paus tersebut adalah paus pilot sirip pendek atau nama saintifiknya *Globicephala Macrorhynchus* kerana kebiasaannya spesies ini memang sentiasa bergerak dalam kumpulan populasi yang banyak, 10 hingga 50 ekor," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Tamimi memberitahu, berat seekor paus dewasa dianggarkan antara satu hingga tiga tan, manakala 60 hingga 500 kilogram bagi anaknya.



SEBAHAGIAN daripada sekumpulan ikan paus pilot sirip pendek yang ditemui di perairan Besut berhampiran Pulau Perhentian pada Rabu lalu.

Menurutnya, berdasarkan rekod, paus spesies itu tidak pernah melalui perairan Terengganu, namun kali terakhir mamalia itu ditemui di perairan Sarawak pada 2013, manakala dalam keadaan mati terdampar di Labuan, Sabah pada 2015.

Ujarnya, paus spesies itu merupakan pemangsa dalam rantaian pemakanan di ekosistem lautan dan kebiasaannya ia memburu dan memakan ikan, sotong, penyu, burung laut dan adakalanya makan sampah sarap seperti plastik yang bertaburan di lautan.

"Populasi paus pilot sirip pendek ini hidup di serata lautan di dunia dengan habitat digemari di kawasan laut tidak terlalu cetek, jauh dari pesisir pantai, laut sedikit panas serta mempunyai kepadatan makanan seperti sotong yang banyak.

"Mungkin sebab itu, ia melalui perairan Terengganu kerana banyak sotong ketika ini dan menjadikan Laut China Selatan sebagai sebahagian laluan migrasinya," ujarnya.

Kata Mohd. Tamimi, paus pilot sirip pendek tersenarai antara spesies marin terancam mengikut Seksyen 27 Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Terancam) 1999 (Pindaan) 2019.

*Kosmo!* 18 Julai lalu melaporkan sepasang ikan paus orca atau lebih dikenali sebagai paus pembunuh ditemui berenang berhampiran dengan pelantar minyak Dulang kira-kira 92 batu nautika dari perairan Kerteh, Kemaman.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2019 | SINAR HARIAN | RENCANA | 18 |

# Paus pilot muncul di Terengganu

## *Dirakam berenang dalam kumpulan di Pulau Perhentian*

RAIHAM MOHD SANUSI

DUNGUN

Selepas kemunculan paus pembunuh diikuti kejutan harimau belang 'jinak' masuk kampung, sekumpulan paus pilot sirip pendek atau *short finned pilot whale* pula muncul buat kali pertama di perairan Terengganu iaitu berhampiran Pulau Perhentian kelmarin.

Kehadiran sekumpulan mamalia marin dengan nama saintifiknya Globicephala Macrorhynchus disedari beberapa nelayan yang sedang memancing sebelum merakamkan kejadian itu menerusi video berdurasi 40 saat.

Ketua Cawangan Mamalia Marin Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Mohd Tamimi Ali Ahmad mengesahkan kumpulan ikan itu ialah paus pilot sirip pendek yang kini hampir pupus selepas meneliti rakaman video dan daripada keterangan oleh nelayan terbabit.

### *Migrasi*

Dilaporkan kumpulan paus tersebut sedang berenang pada jarak sejauh kira-kira 30 kilometer dari pantai dengan kedalaman air antara 30 hingga 35 meter.

"Paus pilot sirip pendek tidak pernah melalui perairan negeri ini berdasarkan rekod yang terdapat di FRI Rantau Abang yang berada di bawah Jabatan Perikanan.

"Jadi tarikh 24 Julai 2019 merupakan rekod pertama paus itu muncul di Terengganu," kata Mohd Tamimi dalam satu kenyataan di sini semalam.

Jelas beliau, pihaknya percaya kumpulan mamalia marin itu menjadikan Laut China Selatan sebagai laluan migrasi.

Katanya, nelayan yang melihat kejadian itu memaklumkan saiz mamalia marin itu sangat besar dan jumlahnya banyak.

"Kebiasaannya spesies itu sentiasa bergerak dalam kumpulan populasi antara 10 ekor hingga 50 ekor.



Lensa orang awam merakam sekumpulan paus pilot sirip pendek sedang berenang berhampiran Pulau Perhentian di perairan Besut, Terengganu kelmarin.

"Saiz yang dianggarkan bagi kumpulan itu adalah antara tiga hingga tujuh meter dengan anggaran berat 1,000 kilogram (kg) hingga 3,000kg bagi dewasa dan satu hingga tiga meter dengan anggaran berat 60kg hingga 50kg bagi anak," katanya.



MOHD TAMIMI

Kata beliau, jangka hayat paus pilot sirip pendek antara 40 hingga 45 tahun dan umur kematangannya adalah antara 10 hingga 20 tahun.

Mohd Tamimi berkata, ikan paus pilot sirip pendek betina biasanya bunting selama 15 bulan dan saiz anak yang baru dilahirkan mampu mencapai 1.9 meter panjang dengan berat 60kg.

Paus pilot sirip pendek biasanya bergerak dan memburu dalam kumpulan.

"Kali terakhir paus pilot sirip pendek direkodkan dan terdampar mati di Sarawak ialah pada 2013 dan di Labuan pada 2015.

"Paus pilot sirip pendek tersenarai dalam jadual mamalia marin iaitu antara spesies marin terancam di Malaysia.

"Jabatan Perikanan melindungi spesies ikan marin terancam melalui penguatkuasaan Seksyen 27 Akta Perikanan 1985 Mamalia Akuatik atau Penyu di Perairan Perikanan Malaysia dalam Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Terancam) 1999 (Pindaan) 2019," katanya.

### *Terancam*

Katanya, spesies paus pilot sirip pendek mula terancam dan hampir pupus kerana kebanyakan nelayan di Jepun, Amerika Syarikat (AS), Filipina, China, Taiwan, Vietnam dan lain-lain lagi menjadikannya sebagai sebahagian diet mereka.

"Dagingnya mengandungi protein yang tinggi dan tekstur yang lembut.

"Setengah bahagian badan yang lain juga dibuat ubatan dan lain-lain produk," katanya sambil mengesahkan spesies marin itu dilindungi di bawah International Union for Conservation of Nature (IUCN).

Katanya, spesies itu ialah pemangsa dan ia haiwan karnivor yang biasanya memburu dan makan ikan, sotong, penyu, burung laut dan lain-lain.

Haiwan itu juga katanya, menjadi perhatian umum dan dibela dalam kurungan sejak 1960-an sehingga ke hari ini.

Katanya, setengah negara yang mempunyai taman tema akuarium laut seperti The Marineland Antibes Theme Park Perancis, SeaWorld San Diego Carlifornia dan Seaworld Kamogawa Chiba, Jepun; melatih paus pilot sirip pendek supaya lebih mesra dengan manusia bagi tujuan konservasi, pendidikan dan hiburan.

### *Kerjasama*

Mohd Tamimi juga menyarankan kepada orang awam yang menemui spesies marin terancam sama ada masih hidup atau telah mati untuk segera menghubungi Pejabat Perikanan Daerah atau Pejabat Perikanan Negeri atau FRI terdekat.

"Kami di FRI Rantau Abang dan Jabatan Perikanan sentiasa bersiap sedia sekiranya berlaku kedamparan (hidupan marin)," katanya.

Pada 16 Julai lalu, sepasang paus pembunuh muncul di perairan Terengganu yang dikesan berhampiran Pelantar Dulang Petronas di Kerteh pada 16 Julai lalu.

PERBANDINGAN UKURAN DENGAN MANUSIA






| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 9 |



KUMPULAN paus pilot sirip pendek yang ditemui pemancing di perairan Pulau Perhentian, Besut.

# PERTAMA KALI TUMPANG LALU

**Pemancing rakam paus pilot sirip pendek bermigrasi berkumpulan**

Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Dungun

Selepas penemuan sepasang paus pembunuh 16 Julai lalu, kumpulan paus pilot sirip pendek atau dikenali *Short Finned Pilot Whale* ditemui berenang berhampiran Pulau Perhentian, Besut, Rabu lalu.

Ketua Cawangan Mamalia Marin, Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Jabatan Perikanan Malaysia, Mohd Tamimi Ali Ahmad mengesahkan kumpulan populasi mamalia marin itu menjadikan Laut China Selatan sebagai laluan migrasi mereka.

Beliau berkata, kemunculan paus terbabit dirakam kumpulan pemancing yang memaklumkan saiz mamalia marin itu sangat besar dan banyak.

"Saya percaya paus itu adalah spesies pilot sirip pendek *Short Finned Pilot Whale* atau nama saintifiknya *Globicephala Macrorhynchus* kerana kebiasaannya spesies ini memang sentiasa bergerak dalam kumpulan populasi mereka iaitu bilangan antara 10 hingga 50 ekor.

"Antara saiz paus yang dianggarkan bagi kumpulan ini adalah tiga hingga tujuh meter dengan anggaran berat 1,000 hingga 3,000 kilogram bagi dewasa, manakala seberat 60 hingga 500 kilogram dan panjang antara satu hingga tujuh meter bagi anak paus," katanya di sini, semalam.

Mohd Tamimi berkata, jangka hayat paus ini dianggarkan boleh mencapai antara 40 hingga 45 tahun serta usia kematangan paus ini antara 10 hingga 20 tahun.

"Paus ini mengambil masa kandungan hingga 15 bulan dengan saiz anak baru lahir antara satu hingga 1.9 meter panjang dan berat 60 kilogram.

"Kebiasaannya anak akan berpisah dengan ibu hingga mencapai umur dua tahun. Paus ini biasanya hidup bergerak dan memburu dalam kumpulan populasinya antara 10 hingga mencapai 50. Ada juga sesetengah populasi boleh mencapai hingga 200," katanya.

Katanya, berdasarkan rekod, paus ini tidak pernah melalui perairan Terengganu dan kehadiran kumpulan paus terbabit adalah rekod pertama yang dicatatkan di sini.

"Kali terakhir paus jenis ini, dilaporkan terdampar mati di Sarawak pada 2013 serta di Labuan, Sabah pada 2015.

"Paus pilot sirip pendek tersenarai dalam jadual mamalia marin dan antara satu spesies marin terancam di Malaysia," katanya.

Katanya, paus ini adalah pemangsa dalam rantaian pemakanan di ekosistem lautan dan ia adalah haiwan karnivor yang biasanya memburu dan memakan ikan, sotong, penyu serta burung laut.

"Ia juga gemar memakan sampah sarap dan plastik yang bertebaran di lautan kerana beberapa kes haiwan itu terlantar sakit dan mati di luar negara.

"Paus spesies ini hidup di serata lautan dan gemar bermain di kawasan laut yang tidak terlalu cetek, jauh dari persisir pantai dan laut yang sedikit panas serta mempunyai banyak makanan seperti sotong.

"Mungkin ketika ini musim sotong dan kumpulan itu berkunjung ke perairan Terengganu," katanya.

**FAKTA**

Dipercayai paus dilapor pemancing spesies pilot sirip pendek

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 24 |

# 600 PENYU MENDARAT SETAHUN

**Pesisir Pantai Padang Kemunting jadi lokasi terbesar pendaratan penyu karah di Semenanjung**





TELUR penyu karah yang diselamatkan.



HARON mengutip telur penyu untuk dibawa ke tempat penetasan.

## Kena tampar nak jaga habitat

**Alor Gajah:** Pernah ditampar dan perahu dibakar. Itu dialami seorang warga emas yang pernah bertugas sebagai renjer penyu di Pantai Padang Kemunting, di sini, untuk melindungi habitat penyu karah daripada diancam kepupusan.

Haron Safar, 63, berkata, dia mempunyai pengalaman lebih 25 tahun sebagai sebagai sukarelawan memungut dan melindungi telur penyu diperlakukan demikian kerana penduduk kampung tidak berpuas hati kerana menghalang mereka mengambil telur penyu.

Katanya, sepanjang tempoh itu pelbagai cabaran ditempuhinya demi memastikan 'sang batik' itu terus singgah di Pantai Padang Kemunting, di sini, untuk bertelur.

Malah, dia juga kisah terpaksa mengorbankan waktu tidur untuk mengutip telur penyu asalkan ia selamat.

"Peluang untuk seekor anak penyu ditetaskan hidup adalah tipis apatah lagi berjuang terus hidup di lautan, alangkah bagusnya jika mereka tahu dan sedar spesies penyu karah kian terancam.

"Kami renjer penyu terpaksa 'berlawan' dengan pencari haram, jika terlambat sedikit ke tempat penyu bertelur, sarang itu kemungkinan akan kosong," katanya di sini.

Haron berkata, walaupun menyedari terpaksa berdepan bahaya kerana ketidakpuasan hati segelintir individu, rasa cintanya terhadap haiwan itu cukup kuat.

Menurutnya, selain ancaman pencari haram, penyu karah juga berdepan bahaya ketika naik ke darat untuk bertelur disebabkan pukat rawai hantu yang dibiarkan segelintir nelayan.

Bekas anggota tentera itu berkata, disebabkan kawasan pendaratan penyu khususnya di Padang Kemunting, bukan kawasan diwartakan, segelintir individu menganggap mereka boleh mengambil telur berkenaan.

"Diharap Jabatan Perikanan mengambil lebih ramai renjer penyu untuk menangani isu kecurian telur selain mengambil tindakan mengikut akta ditetapkan," katanya.

## Tak sanggup makan telur penyu

**Alor Gajah:** "Jika dulu saya penggemar telur penyu tetapi kini tidak sanggup lagi untuk memakannya walaupun diberikan ganjaran," kata renjer penyu Zainal Mahon, 45.

Dia mengakui menyesal dengan tindakannya mengutip telur penyu secara haram tanpa menyedari haiwan itu berada di ambang kepupusan.

Ini kerana, katanya, satu masa dulu, aktiviti mengutip telur penyu menjadi tradisi diamalkan tanpa memikirkan kesan ke atas kehidupan penyu karah yang terancam.

"Saya bersyukur kerana sedar dan berharap dapat menebus kesalahan dengan menyelamat sebanyak mungkin telur penyu dari tangan individu tidak



ZAINAL

bertanggungjawab," katanya.

Anak jati Kampung Padang Kemunting itu berkata, berdasarkan kemahiran serta pengalaman mengenai selok belok pendaratan penyu, ia secara tidak langsung dapat membantunya mengesan lokasi penyu bertelur.

"Sebelum menjadi renjer saya tiada pendedahan dan maklumat mengenai ancaman yang dihadapi penyu karah, tetapi kini keselamatan telur penyu menjadi keutamaan.

"Berbekalkan maklumat yang ada, saya sampai dan terangkan kepada penduduk betapa bernilainya telur penyu pada masa akan datang," katanya.

Dia yang ditugaskan mengutip telur penyu di kawasan Tanjung Dahan, Kuala Sungai Baru, berkata, dia hairan walaupun permintaan telur penyu kini sudah tiada, tetapi masih ada pencari telur haram aktif berbuat demikian sehingga telur terbuang begitu sahaja.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 25 |

Mohd Hilmie Hussin
dan Nur Salawati Salberi
am@hmetro.com.my

**Alor Gajah**

Merekodkan 600 pendaratan sepanjang tahun lalu, pesisir Pantai Padang Kemunting, Masjid Tanah, di sini, menjadi lokasi terbesar pendaratan penyu karah di Semenanjung Malaysia, ketika ini.

Begitupun, penyu karah atau turut dikenali sebagai penyu sisik tetap berdepan ancaman kepupusan angkara telurnya diambil individu tidak bertanggungjawab untuk kepentingan diri.

Selain Pantai Kemunting, 13 lagi lokasi di sekitar Melaka antaranya Tanjung Dahan, Kem Terendak, Sungai Tuang serta Telok Belanga antara lokasi pendaratan penyu karah.

Seekor penyu dikatakan akan naik ke pantai untuk bertelur antara empat hingga enam kali dalam tempoh antara Mei hingga Ogos.

Di setiap lokasi pendaratan dikatakan akan ada pencari telur haram dan mereka mengaku berhak untuk mengambil telur terbabit dengan alasan lokasi pendaratan di hadapan rumah malah kawasan itu juga tidak diwartakan.

Tidak mahu perbuatan itu menjadi penyebab kepupusan hidupan terbabit, kumpulan renjer penyu ditubuhkan Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, Padang Kemunting dalam menangani masalah ini.

Ketuanya, Siti Mastura Daud berkata, kehadiran renjer penyu secara tidak langsung dapat membantu pihaknya menyelamatkan sebanyak mungkin telur untuk ditetaskan sebelum anak penyu dapat dilepaskan ke laut.

Menurutnya, walaupun rekod menunjukkan jumlah kehilangan penyu tidak terlalu tinggi, namun ia tetap membimbangkan sekiranya terus berlarutan.

"Bagi 2017, data yang diperoleh merekodkan 104 kecurian daripada 573 pendaratan, sementara tahun berikutnya dianggarkan jumlah sama direkodkan daripada 600 pendaratan.

"Di sini kita mempunyai 12 renjer penyu termasuk pemungut berlesen dan mereka bertugas dari jam 8 malam hingga 5 pagi sepanjang tempoh pendaratan penyu untuk telur.

"Mereka akan meronda di kawasan yang ditetapkan," katanya, ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, bagi 2017 sebanyak 38,932 penetasan direkodkan dan angka itu meningkat kepada 43,586 pada 2018 selepas telur yang diselamatkan ditanam kira-kira 60 hari.

Siti Mastura berkata, kebiasaannya kes kecurian berlaku di luar waktu renjer bertugas memandangkan ada sesetengah kes penyu karah naik ke darat untuk bertelur pada waktu siang.

"Ada juga kes kecurian yang membabitkan kes polis kerana berlakunya kekerasan, kita mengingatkan kepada renjer supaya mengutamakan keselamatan apabila berdepan dengan pencuri haram.

"Kerjasama dengan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) banyak membantu dalam usaha menyelamatkan populasi penyu karah," katanya.

Beliau berkata, selain mengutip telur, renjer penyu juga membantu pihaknya merekodkan pendaratan penyu berdasarkan klip penanda yang dipasangkan.

Menurutnya, lazimnya penyu akan mendarat di lokasi pelepasan, dan ini menjadikan Pantai Padang Kemunting lokasi pendaratan penyu karah.

"Tidak mahu masalah kecurian terus berleluasa, pihak kami kini dalam proses bagi mewartakan kawasan Pantai Padang Kemunting selain mereka yang didapati mengutip telur penyu tanpa kebenaran boleh diambil tindakan mengikut Kaedah-Kaedah Perikanan (Penyu dan Telur Penyu) 1989," katanya.

Beliau turut mengingatkan nelayan supaya tidak memasang jaring pekap dan pukat rawai dalam tempoh pendaratan penyu kerana ia bukan sahaja boleh mencederakan haiwan berkenaan malah membunuhnya.



PENYU karah yang ditempatkan di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Padang Kemunting, Masjid Tanah.



RENJER penyu, Harun menunjukkan telur penyu di pesisiran Pantai Padang Kemunting, Masjid Tanah.



SITI Mastura menunjukkan penyu agar dan karah yang terdapat di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu.



TAPAK penetasan penyu karah di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu.

| | |  |  |
|---|---|---|---|
| Headline | Indo fishermen fined RM24,000 for breaching condition of licence | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 27 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 6 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 139 cm² |
| Journalist | Cynthia D Baga | AdValue | RM 295 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 886 |



# Indo fishermen fined RM24,000 for breaching condition of licence

**Cynthia D Baga**

KOTA KINABALU: **Three Indonesian fishermen** were fined a total of RM24,000 for breaching the condition of the licence issued by the Fisheries Department.

Sessions Court Judge Elsie Primus handed the sentence to skipper Arman Herman, 35, crew members Ibrahim Anisi, 41, and Sufiadin Baharudin, 37, who pleaded guilty to the charge against them, Friday.

Each of them was ordered to pay RM8,000 or three months' jail.

They were found breaching the condition of the licence by towing the net in less than three nautical miles from the mainland at 11.50pm on July 15 this year inside a boat at the Tanjung Parapat waters off Kudat.

The offence, under Section 8(b) of the Fisheries Act 1985 and punishable under Section 25(b) of the same Act read together with Section 34 of the Penal Code, carries a jail term of up to two years, or a fine of up to RM20,000, or both, on conviction.

During mitigation, the trio asked for leniency saying that they have families to look after.

Arman told the court that the vessel belonged to a company they worked for.

The court heard that the company has four previous convictions.

However, Prosecuting Officer Mohd Nasrul Md from the Malaysian Maritime Enforcement Agency urged the court to impose a deterrent sentence and for the company's licence to be revoked under Section 33 of the Fisheries Act 1985.

The court, however, said that in this case it was the skipper and his crew members that were charged in court and not the company.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Trio fined RM8,000 each for illegal fish-trawling | | |
| MediaTitle | New Sabah Times English (KK) | | |
| Date | 27 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 11,025 |
| Page No | 7 | Readership | 33,075 |
| Language | English | ArticleSize | 128 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 283 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 850 |



# Trio fined RM8,000 each for illegal fish-trawling

KOTA KINABALU: Three Indonesian fishermen were of RM24,000 poorer for breaching the legal terms in the license issued by the Fisheries Department.

Sessions Court judge Elsie Primus fined RM8,000 in default three months' jail each on the skipper Arman Herman, 35, and crewmen Ibrahim Anisi, 41, and Sufiadin Baharudin, 37, after they pleaded guilty to the offence framed under Section 8(b) of the Fisheries Act 1985, punishable under Section 25(b) of the same Act and read with Section 34 of the Penal Code.

The indictment provides for a fine of up to RM20,000 or jail term of up to two years, or both.

The trio was caught fish trawling near Tanjung Parapat, Kudat which is just 1.9 nautical miles away from the mainland on July 15 at about 11.50pm.

During mitigation, Arman urged for a lenient fine and the vessel to be released on the grounds that he is supporting his wife and their children. Upon a question by the court, Arman confirmed that the vessel belongs to a company which they worked with.

Ibrahim told the court that his wife is a local and their child is currently schooling, same goes with Sufiadin who has two schooling children and his wife is currently pregnant with their third child.

The court heard that the company they work with has four previous convictions.

Prosecuting Officer from the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA), Mohd Nasrul Md Nor asked for deterrent sentence to be imposed on the accused persons, and also urged for the company's licence to be revoked under Section 33 of the Fisheries Act 1985.

However, the court was of the view that in this case it was the skipper and his crew being charged in the court and not the company, thus the application was not applicable. –NEDM

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kementerian mahu nangka madu, sarang burung Malaysia ke pasaran China | | |
| MediaTitle | Astro Awani (www.astroawani.com) | | |
| Date | 27 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Kementerian mahu nangka madu, sarang burung Malaysia ke pasaran China

Selepas Musang King dan nanas MD2, kini nangka madu dan sarang burung pula mungkin menjadi lubuk emas buat petani Malaysia. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kini sedang mengadakan perbincangan untuk meningkatkan eksport kedua dua komoditi itu ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Nangka madu, sarang walit sedang dibincang untuk dieksport ke China | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 27 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,050 |

# Nangka madu, sarang walit sedang dibincang untuk dieksport ke China

PONTIAN, 27 Julai (Bernama) -- Selepas kejayaan eksport durian Musang King sejuk beku dan nanas MD2 ke China, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sedang mengadakan perbincangan dengan China bagi membolehkan nangka madu dan sarang burung wal...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Honey jackfruit, swiftlet nests under discussion for export to China | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 27 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,050 |

# Honey jackfruit, swiftlet nests under discussion for export to China

PONTIAN, July 27 (Bernama) -- The Agriculture and Agro-based Industry Ministry is holding discussions with China on exporting Malaysia's honey jackfruit and swiftlet nests following the success of its frozen whole musang king durian and MD2 pineapple expo...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Next big export to China: honey jackfruit and bird's nests | | |
| MediaTitle | Free Malaysia Today(www.freemalaysiatoday.com) | | |
| Date | 27 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 6 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,050 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,150 |

# Next big export to China: honey jackfruit and bird's nests

PONTIAN: Government officials are holding discussions with China on exporting Malaysia's honey jackfruit and swiftlet nests following the successful export of frozen whole musang king durians and MD2 pineapples to that country.
Agriculture minister Salah...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Minister: Honey jackfruit, swiftlet nests under discussion for export to China | | |
| MediaTitle | Malay Mail(www.malaymail.com) | | |
| Date | 27 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 3 | Readership | 6 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,500 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,500 |

# Minister: Honey jackfruit, swiftlet nests under discussion for export to China

PONTIAN, July 27 — The Agriculture and Agro-based Industry Ministry is holding discussions with China on exporting Malaysia's honey jackfruit and swiftlet nests following the success of its frozen whole musang king durian and MD2 pineapple export to that ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Minister: Honey jackfruit, swiftlet nests under discussion for export to China \| Malay Mail | | |
| MediaTitle | Head Topics (headtopics.com/my) | | |
| Date | 27 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Minister: Honey jackfruit, swiftlet nests under discussion for export to China | Malay

Minister: Honey jackfruit, swiftlet nests under discussion for export to China
Minister: Honey jackfruit, swiftlet nests under discussion for export to ChinaPONTIAN, July 27 — The Agriculture and Agro-based Industry Ministry is holding discussions with C...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/7/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI UTARA | 36 |

# Produk hasilan babi dirampas

*Dipercayai dibawa dari Thailand tanpa sebarang dokumen sah*

NURUL HIDAYAH HAMID

BUKIT KAYU HITAM

Kira-kira 80 kilogram (kg) produk hasilan babi dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam pada Jumaat lalu.

Pengarah Maqis Kedah, P Lily Rosalind berkata, rampasan tersebut dibuat selepas pihaknya menahan sebuah lori dipercayai membawa produk terbabit dari Thailand tanpa sebarang dokumen sah.

Menurutnya, lori jenis Isuzu berkenaan ditahan susulan tidak memiliki dokumen Import Permit (IP) dan Sijil Kesihatan Veterinar dari negara asal tidak dikemukakan pengimport.

"Melalui pemeriksaan, pihaknya turut menemui sebanyak 80kg produk hasilan babi dipercayai sosej babi yang cuba diseludup masuk ke Malaysia walaupun larangan pengimportan daging babi dikeluarkan.

"Larangan pengimportan daging babi dari beberapa negara termasuk China, Thailand, Vietnam, Laos, Poland dan Belgium telah dikeluarkan demi mengelakkan kemasukan produk babi dari negara yang berpenyakit," katanya dalam satu kenyataan semalam.



